

NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

1. Notis Perlindungan Data Peribadi ini ("Notis") dikeluarkan selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan Akta Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024 ("Akta") dan bagi maksud Notis ini, "Data Peribadi" dan "Data Peribadi Sensitif" mempunyai maksud seperti yang diperuntukkan di bawah Akta.
2. Notis ini terpakai kepada individu yang tertakluk di bawah Akta dan bertujuan untuk memaklumkan kepada anda bagaimana Data Peribadi anda dikawal, diproses dan/atau digunakan oleh CSF Advisers Sdn. Bhd. dan/atau ATLAS CSF Sdn. Bhd. (secara bersama bagi tujuan Notis ini dikenali sebagai "Kumpulan CSF"), yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dengan alamat perniagaan di CSF TelcoHub 1, Jalan Teknokrat 6, Cyberjaya, 63000 Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
3. Bagi maksud Notis ini, Data Peribadi termasuk data yang dikumpulkan sebelum dan selepas pengeluaran Notis ini.

Pengumpulan

4. Data Peribadi yang dikawal, diproses dan/atau digunakan oleh Kumpulan CSF atau bagi pihak kami termasuk tetapi tidak terhad kepada nama anda, umur, tarikh lahir, nombor kad pengenalan atau nombor passport, maklumat untuk dihubungi, alamat rumah, alamat e-mel, pekerjaan, status perkahwinan, pilihan, minat, maklumat berkaitan firma/syarikat anda, rakaman imej anda melalui kamera CCTV yang dipasang di premis kami, rakaman gambar anda semasa acara anjuran kami dan/atau maklumat lain yang berkaitan dengan tujuan-tujuan seperti dinyatakan dalam perenggan 7 di bawah. Kami juga mungkin mengumpul Data Peribadi yang bersifat sensitif seperti kesihatan fizikal atau mental atau keadaan perubatan, kepercayaan agama atau kepercayaan politik atau kepercayaan lain yang serupa, pelakuan atau dakwaan pelakuan apa-apa kesalahan atau data biometrik seperti cap jari, pengecaman wajah atau suara.
5. Data Peribadi anda dikumpulkan secara langsung daripada maklumat dan/atau dokumen yang telah anda berikan kepada kami, atau daripada wakil sah anda dan jika perlu, daripada pihak ketiga serta domain awam atau platform dalam talian. Jika anda memberikan kepada kami sebarang Data Peribadi berkaitan pihak ketiga (contohnya maklumat pasangan, anak-anak, ibu bapa dan/atau pekerja anda), dengan menyerahkan Data Peribadi tersebut kepada kami, anda mengesahkan bahawa anda telah memperoleh kebenaran daripada pihak ketiga tersebut untuk memberikan data mereka kepada kami bagi tujuan-tujuan seperti dinyatakan di bawah.
6. Kumpulan CSF juga boleh mengumpul Data Peribadi anda daripada pelbagai sumber, termasuk tanpa had, di sebarang acara, program latihan, persidangan, seminar, bengkel atau ceramah yang dianjurkan atau ditaja oleh Kumpulan CSF, dan/atau melalui penggunaan 'cookies' di laman web Kumpulan CSF.

Tujuan Pemprosesan

7. Data Peribadi anda boleh dikawal, diproses dan/atau digunakan oleh kami bagi tujuan-tujuan berikut:
 - Untuk memudahkan akses anda kepada perkhidmatan Kumpulan CSF;
 - Untuk berkomunikasi dengan anda dan menjawab sebarang pertanyaan daripada anda berkaitan Kumpulan CSF melalui sebarang saluran komunikasi yang sah;
 - Untuk tujuan pentadbiran dalaman termasuk fungsi dan aktiviti pentadbiran bakat dan sumber manusia;
 - Untuk memenuhi obligasi statutori Kumpulan CSF;
 - Untuk pelaksanaan operasi Kumpulan CSF termasuk tetapi tidak terhad kepada penyertaan Data Peribadi anda ke dalam pangkalan data kami bagi penilaian/perekodan kecekapan teknikal anda dan pengesahan hubungan anda dengan rakan niaga kami; bagi

pengesahan/penyediaan maklumat untuk menghantar buletin dan kemas kini lain dalam Kumpulan CSF;

- Untuk pematuhan sebarang obligasi dan/atau keperluan kawal selia yang terpakai kepada operasi Kumpulan CSF di bawah mana-mana undang-undang, peraturan, kaedah, dasar kebangsaan atau perintah mahkamah termasuk dengan memberikan maklumat kepada agensi penguatkuasaan, badan kawal selia/statutori dan agensi kerajaan lain untuk sebarang tujuan sah seperti penguatkuasaan atau penyediaan statistik;
- Untuk mengejar kepentingan sah Kumpulan CSF yang termasuk pemulihan apa-apa jumlah yang terhutang kepada Kumpulan CSF (jika berkenaan); dan/atau
- Untuk sebarang tujuan lain yang berkait atau bersampingan dengan mana-mana tujuan di atas.

8. Sekiranya selepas ini anda tidak berhasrat untuk memberikan kebenaran kepada kami bagi pemprosesan Data Peribadi anda berkaitan dengan tujuan-tujuan dalam perenggan 7 di atas atau ingin menarik diri, anda boleh berbuat demikian dengan memaklumkan kepada Kumpulan CSF menggunakan butiran hubungan seperti dinyatakan dalam perenggan 20 di bawah.

Penarikan/Pengehadan Kebenaran

9. Pemberian Data Peribadi anda kepada kami adalah secara sukarela. Anda boleh pada bila-bila masa selepas ini menarik balik kebenaran anda kepada kami untuk mengumpul, memproses, menggunakan, menyimpan atau menghadkan pemprosesan Data Peribadi anda bagi mana-mana tujuan yang dinyatakan di atas dengan memaklumkan kami secara bertulis ke alamat yang dinyatakan dalam perenggan 20.

10. Sekiranya anda tidak memberikan Data Peribadi anda atau memberikan Data Peribadi yang tidak mencukupi apabila diminta, kami mungkin tidak dapat berkomunikasi dengan anda dan ini boleh menjejaskan keupayaan Kumpulan CSF untuk memenuhi tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas dan keupayaan anda untuk menikmati faedah yang berkaitan.

11. Sekiranya anda tidak ingin Data Peribadi anda dikumpul melalui kuki di laman web Kumpulan CSF, anda boleh menyahaktifkan 'cookies' tersebut.

Pendedahan & Pemindahan

12. Kami mungkin mendedahkan Data Peribadi anda kepada pekerja kami, syarikat sekutu kami, rakan strategik kami, pembekal/perunding perkhidmatan kami, ejen yang dilantik, perunding kami, penasihat undang-undang kami, juruaudit luar kami dan/atau mana-mana individu yang tertakluk kepada kewajipan kerahsiaan terhadap Kumpulan CSF.

13. Jika perlu dan bersesuaian, kami juga boleh mendedahkan Data Peribadi anda kepada pihak ketiga lain termasuk tetapi tidak terhad kepada badan profesional, institusi latihan, bank, institusi kewangan, mana-mana pihak berkuasa kerajaan dan/atau bukan kerajaan, agensi, badan atau jabatan.

14. Kami akan mendedahkan Data Peribadi anda kepada mana-mana pihak yang kami diwajibkan atau diarahkan di bawah undang-undang.

15. Data Peribadi anda mungkin dipindahkan kepada mana-mana pihak seperti dinyatakan di atas, yang berada di dalam atau di luar Malaysia, bagi tujuan-tujuan seperti dinyatakan dalam perenggan 7.

Penyimpanan

16. Sebarang Data Peribadi yang dibekalkan oleh anda akan disimpan oleh Kumpulan CSF selagi mana ia perlu dan bersesuaian bagi memenuhi mana-mana tujuan seperti yang dinyatakan di atas selaras dengan amalan dalaman kami, keperluan kawal selia, keperluan undang-undang dan perakaunan.

Integriti & Keselamatan

17. Kami komited untuk memastikan bahawa Data Peribadi anda disimpan dengan selamat seperti yang dikehendaki di bawah Akta.

18. Segala usaha dan langkah praktikal yang munasabah telah diambil bagi memastikan bahawa sebarang Data Peribadi yang dipegang oleh Kumpulan CSF dilindungi daripada sebarang kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian, akses atau pendedahan tanpa kebenaran atau secara tidak sengaja, perubahan atau kemusnahan.

19. Untuk memastikan Data Peribadi anda yang disimpan oleh kami adalah tepat dan terkini, anda dinasihatkan untuk memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya terdapat sebarang ketidaktepatan atau perubahan terhadap Data Peribadi anda.

Akses, Pembetulan & Kebolehpindahan Data

20. Sekiranya anda ingin meminta akses atau membetulkan Data Peribadi anda atau menarik balik/menghadkan kebenaran anda, anda boleh menghantar permintaan secara bertulis (secara serahan tangan, pos atau e-mel) ke alamat berikut:

CSF Advisers Sdn. Bhd.

CSF TelcoHub 1
Jalan Teknokrat 6
Cyberjaya 63000
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA.

Untuk Perhatian: Pegawai Perlindungan Data

E-mel: legal@csf-group.com

Tel: +603 8318 1313

(Dilabelkan Sulit dan Hanya untuk Dibuka oleh Penerima Sahaja)

Sebarang permintaan anda adalah tertakluk kepada sebarang sekatan undang-undang yang terpakai, syarat-syarat dan tempoh masa yang munasabah.

21. Anda berhak untuk meminta agar kami memindahkan Data Peribadi anda secara langsung kepada pengawal data lain pilihan anda, jika secara teknikal ia boleh dilakukan dan data tersebut dalam format yang serasi. Untuk melaksanakan hak ini, anda perlu mengemukakan permintaan bertulis kepada kami menggunakan butiran hubungan seperti yang dinyatakan dalam perenggan 20 di atas. Setelah pengesahan identiti dan permintaan anda dibuat, kami akan berusaha untuk melengkapkan pemindahan tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh undang-undang.

Sila ambil perhatian bahawa hak ini tertakluk kepada:

- (i) kebolehjanaan teknikal pemindahan data; dan
- (ii) keserasian format data antara kami dan pengawal data penerima.

Kami berhak untuk menolak permintaan tersebut sekiranya syarat-syarat diatas tidak dapat dipenuhi.

Kebenaran

22. Sila ambil perhatian bahawa dari semasa ke semasa, kami mungkin akan meminta Data Peribadi baharu daripada anda. Dengan memberikan Data Peribadi anda kepada kami atau terus berkomunikasi dengan Kumpulan CSF, kami akan menganggap bahawa anda telah memberikan kebenaran kepada pemprosesan data tersebut selaras dengan Notis ini.

23. Kumpulan CSF berhak secara mutlak untuk mengubah, mengemas kini atau meminda terma Notis ini pada bila-bila masa dengan memaparkan Notis yang dikemas kini di laman web ini (<https://www.csf-group.com/corporate-governance/>). Dengan terus berkomunikasi dengan Kumpulan CSF atau dengan terus menggunakan perkhidmatan Kumpulan CSF selepas pengubahsuaian, pengemaskinian atau pindaan Notis ini, ia akan dianggap sebagai penerimaan anda terhadap pengubahsuaian, pengemaskinian atau pindaan tersebut.

Nota: Jika terdapat percanggahan antara notis versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.